

Kesan Kenaikan Harga Barang Asas Dan Impaknya Terhadap Mahasiswa Di Universiti Kebangsaan Malaysia

(*The Effect of Rising Prices of Basic Goods and Its Impact on Students at National University of Malaysia*)

SUSHMITA EH WAN* & MUSTAZAR MANSUR

ABSTRAK

Kenaikan harga barang asas telah menjadi topik hangat dari semasa ke semasa. Antara golongan yang terkesan dan kehidupan semakin terhimpit akibat kenaikan harga barang asas adalah golongan mahasiswa. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti impak kenaikan harga barang asas terhadap mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia dari tiga aspek iaitu perbelanjaan bulanan, kuasa beli dan perubahan taraf hidup. Metodologi kajian yang digunakan ialah kaedah kuantitatif melalui instrumen soal selidik yang merangkumi prasiswazah dari setiap fakulti di UKM. Kajian ini menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) untuk mendapatkan purata min bagi setiap kesan. Hasil kajian mendapat bahawa kenaikan harga barang asas telah meningkatkan perbelanjaan bulanan akibat peningkatan kos sara hidup serta perubahan kuasa beli dan taraf hidup mereka. Bagi menangani isu ini, sebahagian besar responden bertindak untuk berjimat cermat dengan membeli barang yang berkualiti rendah serta mengutamakan barang yang penting dan sebahagian responden memilih untuk membuat kerja sambilan pada waktu rehat mereka.

Kata Kunci: kenaikan harga barang asas, mahasiswa, perbelanjaan bulanan, kuasa beli, taraf hidup

ABSTRACT

The rise in prices of basic goods has become a hot topic from time to time. Among the groups that are affected and whose lives are increasingly squeezed due to the increase in the price of basic goods are students. This study aims to identify the impact of the increase in the price of basic goods on students at National University of Malaysia from three aspects which are monthly expenses, purchasing power and changes in living standards. The research methodology used is quantitative method through a questionnaire instrument that includes undergraduates from each faculty at UKM. This study uses the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) software to obtain the average mean for each effect. The results of the study found that the increase in the price of basic goods has increased monthly expenses due to the increase in the cost of living as well as changes in their purchasing power and standard of living. To deal with this issue, most of the respondents must save money by buying low quality goods and prioritizing important goods and some respondents choose to do part-time work in their spare time.


Keywords: Increase in price of basic goods, students, monthly expenses, purchasing power, living standards

PENGENALAN

Isu kenaikan harga barang asas bukan lagi satu isu yang asing. Menurut Nur Jannah et al (2018), kebanyakan barang terutamanya barang keperluan harian telah mengalami kenaikan harga. Kenaikan harga barang asas di peringkat global yang disebabkan oleh pelbagai faktor seperti inflasi dan kekurangan bekalan makanan telah memberi kesan secara langsung kepada negara-negara membangun dan rakyat di negara-negara

berkenaan. Antara kesannya adalah kos sara yang meningkat dan kuasa beli rakyat turut menurun, ini secara langsung menjelaskan taraf hidup mereka.

Antara negara-negara maju yang jelas menunjukkan kadar inflasi yang meningkat dari tahun ke tahun adalah negar-negara di zon Euro. Rajah 1 merupakan kadar inflasi yang dialami oleh negara-negara di zon Euro dari Disember 2012 hingga Disember 2022 manakala Rajah 2 merupakan indeks harga pengguna di zon Euro pada tahun 2022.




RAJAH 1. Kadar Inflasi Kawasan Euro dan Komponen Utamanya, Disember 2012 - Disember 2022.

Sumber: Eurostat Area Inflation Rate

Berdasarkan Rajah 1, antara komponen utama yang menjelaskan kadar inflasi negara-negara di zon Euro adalah makanan, alkohol dan tembakau, tenaga, barang perindustrian bukan tenaga dan perkhidmatan. Rajah 1 jelas menunjukkan bahawa

kadar inflasi semakin meningkat dari tahun 2020. Inflasi bagi kumpulan makanan, alkohol dan tembakau telah mencecah 10% pada Disember 2022 walaupun kadar inflasi secara keseluruhan di zon Euro telah menurun. Oleh demikian, kumpulan ini telah menjadi



RAJAH 2. Indeks Harga Pengguna November 2022

Sumber: Department of Statistics Malaysia Official Portal

penyumbang utama kepada kenaikan inflasi pada tahun 2022.

Rajah 2 menunjukkan perbandingan antara Indeks Harga Pengguna di Malaysia pada November 2022 dan Oktober 2022. Berdasarkan DOSM, inflasi Malaysia bagi tempoh Januari hingga November 2022 telah meningkat sebanyak 3.4% dan ia agak tinggi jika berbanding dengan tempoh yang sama bagi tahun 2021 iaitu 2.3% sahaja. Inflasi bagi kumpulan Makanan meningkat 7.3 peratus dan kekal sebagai penyumbang utama kepada kenaikan inflasi bulan ini. Bagi kumpulan restoran dan hotel pula menunjukkan peningkatan kepada 7.0% berbanding Oktober 2022 (6.8%). Walaubagaimanapun, kenaikan inflasi yang sedikit bagi kumpulan pengangkutan (5.0% dan Perabot, Peralatan Rumah & Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah (3.8%) telah meredakan inflasi negara. Seterusnya, kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol telah mencatatkan peningkatan kepada 7.3% (Oktober 2022: 7.1%). Kenaikan ini sebahagiannya didorong oleh kenaikan harga makanan bermasak, terutamanya berdasarkan ayam dan tepung. Indeks makanan di rumah meningkat sebanyak 9.6% (Oktober 2022: 9.3%). Sementara itu, komponen makanan di rumah mencatatkan peningkatan sebanyak 5.8% (Oktober 2022: 5.8%).

Hal ini telah menyumbang kepada topik kenaikan harga barang asas dan impaknya terhadap mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia. Pada November 2022, empat negeri yang menunjukkan peningkatan melebihi paras inflasi negara sebanyak 4.0 peratus ialah wilayah Persekutuan Putrajaya (7.9%), Selangor (4.8%), Sarawak (4.7%) dan Johor (4.2%). Wilayah Persekutuan Labuan telah mencatatkan kenaikan terendah sebanyak 2.4 peratus. Bagi perbandingan kadar inflasi antara negara, Malaysia (4%) mencatatkan kadar inflasi yang lebih rendah daripada beberapa negara terpilih, iaitu Zon Euro (10.0%), United States of America (7.1%), Filipina (8.0%), Thailand (5.6%), Indonesia (5.4%) dan Republik Korea (5.0%).

Hal ini jadi lebih serius dan lebih merungsingkan apabila masalah ini ditempuhi oleh golongan mahasiswa di institusi pengajian tinggi. Bagi mahasiswa di IPT, wang memainkan peranan yang sangat penting untuk menampung kos pembelajaran dan kos sara hidup di universiti. Penggunaan kewangan semasa di bangku sekolah dan di institusi pengajian tinggi adalah sangat berbeza. Bukan kos pembelajaran yang merangkumi yuran pengajian serta kos buku-buku dan bahan pembelajaran lain sahaja yang perlu ditampung oleh para mahasiswa, namun kos lain yang timbul apabila

jejak ke alam universiti adalah perbelanjaan makan minum, pakaian dan cucian, penjagaan diri, penginapan sama ada di kolej atau rumah sewa, pengangkutan dan juga telekomunikasi.

Kenaikan harga barang asas jelas mengakibatkan kesan negatif secara langsung maupun tidak langsung kepada pengguna di Malaysia dan ini juga termasuk mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam seperti Universiti Kebangsaan Malaysia. Sumber kewangan yang terhad akan menyebabkan seseorang tidak dapat untuk memenuhi keperluannya dalam membuat keputusan pembelian (Nor Sharmainie et al. 2019). Pendapatan bulanan mereka yang kekal sama daripada sumber-sumber seperti biasiswa dan pinjaman pendidikan telah menyebabkan mahasiswa mendepani dengan masalah kewangan ketika melakukan aktiviti perbelanjaan.

Kos perbelanjaan yang semakin meningkat seiring dengan kenaikan harga barang asas tidak lagi dapat ditanggung sepenuhnya oleh mahasiswa. Selain daripada menggunakan simpanan ibu bapa, ada juga di antara mereka yang memilih untuk buat kerja sambilan di kedai runcit, restoran berdekatan dengan Universiti Kebangsaan Malaysia ataupun memilih untuk membuat perkhidmatan e-hailing seperti Foodpanda dan Grab. Apabila mahasiswa memilih untuk bekerja sambilan, masa rehat mereka sudah pasti lebih kurang daripada mereka yang tidak bekerja sambilan. Kesannya, mereka tidak dapat memberi 100% komitmen dan tidak dapat fokus dalam kelas disebabkan terlalu penat. Akhirnya, pencapaian akademik dan kesihatan mental mahasiswa terganggu disebabkan masalah kewangan seperti kajian dari Bostanci (2005) yang menyatakan bahawa masalah kewangan boleh menyebabkan pencapaian akademik mahasiswa terganggu. Ini telah disokong oleh satu kajian lepas yang membuktikan kerja sambilan berupaya mengganggu prestasi akademik mereka (Mardelina & Muhsin 2017). Bekerja sambilan adalah salah satu punca yang menyebabkan kemerosotan prestasi akademik dalam kalangan pelajar.

Bukan itu sahaja, pengkaji juga menggunakan beberapa kajian yang berkaitan dengan kesan kenaikan harga barang di Malaysia terhadap penduduk dan juga mahasiswa di institusi pengajian tinggi yang lain. Kajian ini dijalankan bagi mengkaji impak-impak yang dihadapi oleh mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia dengan berpandukan kepada tiga objektif kajian iaitu untuk mengkaji kesan kenaikan harga barang asas perbelanjaan bulanan pelajar, kesan kenaikan harga barang asas terhadap kuasa beli pelajar dan untuk mengenalpasti perpindahan taraf hidup belajar kesan daripada kenaikan harga barang asas.

ULASAN KAJIAN LEPAS

Isu kenaikan harga barang bukan sahaja dihadapi oleh kebanyakan negara membangun tetapi isu ini merupakan satu isu global. Di Malaysia, isu kenaikan harga barang asas juga bukan satu perkara yang asing lagi. Isu ini telah menyebabkan masyarakat di Malaysia mengalami arus perubahan yang semakin hari semakin kompleks sama ada dari sei sosio-ekonomi mahupun dari aspek sosio-budaya dan seterusnya membawa kepada satu perubahan kepada corak pembelian. Antara faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan dalam corak pembelian adalah sumber kewangan yang terhad tidak dapat menampung semua barang keperluan kerana harga barang yang semakin meningkat.

Kenaikan harga barang asas di Malaysia turut menjelas mahasiswa di institusi pengajian tinggi. Ini adalah kerana kebanyakkan sumber kewangan mahasiswa adalah daripada ibu bapa, biasiswa dan pinjaman yang mempunyai nilai terhad dan tidak berubah. Kenaikan harga barang yang membawa kepada kenaikan harga makanan dan minuman, pakaian dan cucian, kos pengangkutan serta sewa penginapan telah memberi kesan negatif kepada mahasiswa secara langsung. Menurut Harakahdaily, Mohammad Fazril Mohd Saleh yang merupakan Presiden PKPIM menyatakan bahawa beliau telah menerima aduan daripada para mahasiswa berkenaan kos sara hidup mereka yang semakin meningkat akibat daripada kenaikan harga yuran pengajian, yuran asrama dan yuran-yuran lain yang berkaitan.

Justeru itu, hal ini menunjukkan para mahasiswa di institusi pengajian tinggi terjejas secara langsung dan turut mendapati impak negatif seperti terpaksa menahan lapar, mencari kerja sampingan, kekurangan masa bersama rakan dan lain-lain kesan daripada kenaikan harga barang asas di Malaysia.

HARGA BARANG ASAS

Merujuk Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, harga adalah nilai sesuatu barang dengan kiraan wang. Secara teorinya, harga merupakan sejumlah wang yang dikenakan untuk sesuatu keluaran atau perkhidmatan yang diberikan. Antara nilai-nilai yang menunjukkan fungsi yang sama dengan harga adalah yuran, kadar, sewa, faedah, gaji, upah, tambang dan premium.

Barang asas adalah keperluan asas yang diperlukan oleh pengguna untuk meneruskan kehidupan harian seperti makanan, minuman, pakaian dan pengangkutan. Namun, barang asas mahasiswa telah merangkumi makanan, minuman, pakaian,

cucian, bahan-bahan pembelajaran, alat tulis, produk penjagaan diri, penginapan dan pengangkutan.

Harga barang asas pula merupakan sejumlah wang yang dikenakan oleh penjual kepada pengguna untuk mendapatkan sesuatu barang asas. Bagi kajian kali ini, harga barang asas adalah sejumlah nilai wang yang dikenakan oleh penjual kepada mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia bagi mendapatkan barang asas.

PERBELANJAAN BULANAN

Tiga aspek perbelanjaan asas yang terbabit dalam kos hidup ialah perbelanjaan makanan, pakaian dan perlindungan. Menurut Bulletin et al (2014), kos sara hidup ialah peruntukan kewangan yang seimbang untuk menyara kehidupan bagi memenuhi setiap keperluan. Kos sara hidup adalah kos yang terpaksa ditanggung oleh isi rumah bukan sahaja untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal tetapi juga keperluan-keperluan lain untuk keselesaan hidup termasuk kos Pendidikan dan kos kenderaan untuk kegunaan harian (Sabstu, 2014).

Kita sedia tahu bahawa kos untuk menyara kehidupan sering berubah-ubah mengikut putaran pendapatan, peningkatan harga barang dan sebagainya. Situasi ekonomi kini dengan kenaikan harga barang asas tetapi kadar pendapatan kekal sama di Malaysia menunjukkan bahawa kos sara hidup masyarakat semakin meningkat dari semasa ke semasa termasuk perbelanjaan bulanan mahasiswa di institusi pengajian tinggi.

Berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh Sabri & Zainuddin (2020), pelajar memperuntukkan kewangan mereka lebih kepada makanan dan minuman berbanding dengan kumpulan perbelanjaan lain dan diikuti dengan perbelanjaan untuk pembelajaran. Ini menunjukkan bahawa apabila harga barang asas mahasiswa seperti makanan, minuman dan alat pembelajaran meningkat, perbelanjaan bulanan mereka turut terjejas.

KUASA BELI

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2021), kuasa dapat ditakrifkan sebagai kemampuan untuk melakukan sesuatu. Perkataan beli dapat dinyatakan sebagai memperoleh sesuatu barang dengan cara membayar. Kuasa beli adalah jumlah barang atau perkhidmatan yang boleh dibeli dengan satu unit matawang (Adam Hayes et al 2020). Peningkatan dan penurunan kuasa

beli pengguna dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Antara faktor terpenting adalah harga barang dan perkhidmatan. Apabila harga meningkat, kuasa beli menurun dan sebaliknya.

Menurut Ros & Mutsamy (2020), kuasa beli pengguna di Muar, Johor telah menurun akibat kenaikan harga barang. Pengguna hanya mampu menggunakan jumlah pendapatan yang diperoleh untuk perbelanjaan barang-barangan keperluan utama dahulu. Hal ini kerana barang keperluan merupakan kepentingan asas yang diperlukan oleh setiap manusia untuk meneruskan kehidupan manakala barang kehendak pula adalah sekadar keinginan untuk mencapai tahap kehidupan yang lebih selesa. Keadaan ini juga berkait rapat dengan perubahan taraf hidup pengguna selepas kenaikan harga barang asas pada kadar yang lebih tinggi daripada kenaikan kadar pendapatan.

PERUBAHAN TARAF HIDUP

Taraf hidup mengukur perbandingan di antara pendapatan boleh guna yang diterima oleh isi rumah dengan kos sara hidup (Rosniza & Rajeswary, 2020). Menurut Jacobson (2010), sekiranya peningkatan pendapatan berada pada kadar yang lebih rendah berbanding kos sara hidup, bererti taraf hidup seseorang dikatakan semakin merosot dan sebaliknya sekiranya taraf pendapatan meningkat pada kadar yang lebih tinggi dari kos sara hidup dikatakan taraf hidup semakin meningkat. Hasil kajian Rosniza dan Rajeswary pada tahun 2020 menunjukkan majoriti penduduk B40 bersetuju dengan pernyataan bagi pengguna mampu membeli barang berkualiti rendah berbanding kualiti tinggi. Keadaan ini berlaku kerana pengguna tetap memerlukan barang asas tersebut walaupun harga meningkat. Oleh itu, pengguna memilih untuk membeli barang yang berkualiti rendah kerana ia jauh lebih murah berbanding barang berkualiti tinggi.

KAEDAH METODOLOGI

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk kaedah kuantitatif. Pendekatan kuantitatif yang digunakan dalam kajian untuk mendapatkan data primer ini adalah melalui borang soal selidik yang dijalankan secara atas talian yang diedarkan kepada responden melalui aplikasi media sosial seperti aplikasi ‘Whatsapp’. Sampel yang digunakan dalam kajian ini adalah seramai 200 individu yang merupakan prasisiswazah dari setiap fakulti di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Borang soal selidik yang diedarkan untuk kajian ini mengandungi empat bahagian iaitu bahagian A yang mengandungi soalan berkaitan demografi responden. Seterusnya bahagian B yang adalah untuk mengetahui kesan kenaikan harga barang asas terhadap perbelanjaan bulanan pelajar, bahagian C adalah mengenai kesan kenaikan harga barang asas terhadap kuasa beli pelajar serta bahagian D adalah untuk mengetahui kesan kenaikan harga barang asas terhadap penukaran taraf hidup pelajar. Jenis soalan yang digunakan adalah soalan pilihan jawapan iaitu “Ya” dan “Tidak” bagi bahagian B bagi mengetahui sama ada kenaikan harga barang asas mempengaruhi perbelanjaan bulanan pelajar UKM secara langsung. Bagi bahagian C dan bahagian D pula, pengkaji telah menggunakan soalan pilihan jawapan yang menggunakan skala Likert empat mata dimana 1 adalah “Sangat Tidak Setuju” dan 5 adalah “Sangat Setuju”. Nilai min menunjukkan purata nilai skala setiap item. Dalam kajian ini, jika sesuatu pernyataan mendapat nilai min 3.25, ini menunjukkan item pernyataan tersebut berada pada skor min sederhana tinggi kerana 3.5 berada di antara skala 3 dan skala 4, jadi interpretasi skor min adalah sederhana tinggi kerana mungkin item pernyataan tersebut kurang dipersejui oleh responden. Nilai sisihan piawai pula merujuk kepada perbezaan antara nilai sampel dan min. Hasil data yang diperoleh akan dianalisis menggunakan Pakej Statistik Sains Sosial (SPSS) versi 29.0 bagi mendapatkan hasil kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan nilai Cronbach Alpha. Penggunaan aplikasi SPSS dalam kajian ini adalah melaksanakan beberapa jenis analisis iaitu analisis frekuensi atau kekerapan bagi demografi responden dan soalan bahagian B, analisis min dan sisihan piawai bagi soalan berskala serta analisis kebolehpercayaan nilai Alpha terhadap ketiga-tiga objektif.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Analisis Demografi Responden

Jadual 1 menunjukkan demografi responden kajian ini. Jadual 1 menunjukkan hasil analisis demografi bagi 200 responden yang terlibat dalam kajian ini. Dari segi jantina, majoriti responden iaitu sebanyak 66.5% adalah terdiri daripada responden perempuan dan selebihnya sebanyak 33.5% adalah responden lelaki. Dari segi umur pula, majoriti responden adalah berumur 21 hingga 25 tahun sebanyak 82%. Statistik ini disusuli dengan responden berumur bawah daripada 20 tahun, iaitu 15.5% dan akhirnya ialah responden berumur 26 hingga 29 tahun seramai 5 orang, iaitu

2.5%. Berdasarkan tahun pengajian responden, majoriti responden adalah tahun 2 iaitu seramai 110 orang (55%), 70 orang adalah tahun 3 iaitu 35%, Responden daripada

tahun 1 dan tahun 4 masing-masing adalah 10 orang iaitu sebanyak 5%.

JADUAL 1. Demografi Responden Kajian

| Demografi | Kekerapan(n) | Peratus (%) |
|--------------------------------------|--------------|-------------|
| Jantina | | |
| Lelaki | 67 | 33.5 |
| Perempuan | 133 | 66.5 |
| Umur (tahun) | | |
| Bawah 20 | 31 | 15.5 |
| 21 - 25 | 164 | 82 |
| 26 - 29 | 5 | 2.5 |
| Tahun Pengajian | | |
| Tahun 1 | 10 | 5 |
| Tahun 2 | 110 | 55 |
| Tahun 3 | 70 | 35 |
| Tahun 4 | 10 | 5 |
| Fakulti Pengajian | | |
| Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan | 12 | 6 |
| Fakulti Sains dan Teknologi | 11 | 5.5 |
| Fakulti Ekonomi dan Pengurusan | 142 | 71 |
| Fakulti Pendidikan Islam | 10 | 5 |
| Fakulti Sains Kesihatan | 7 | 3.5 |
| Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina | 6 | 3 |
| Fakulti Undang-Undang | 4 | 2 |
| Fakulti Pergigian | 2 | 1 |
| Fakulti Pendidikan | 4 | 2 |
| Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat | 2 | 1 |

Jumlah sampel(n) = 200

Responden daripada Fakulti Ekonomi dan Pengurusan secara relatifnya adalah paling tinggi iaitu seramai 142 orang atau bersamaan 71% manakala responden Fakulti Pergigian dan Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat adalah paling rendah iaitu seramai 2 orang iaitu bersamaan dengan 1%. Jumlah responden daripada Fakulti Pendidikan dan Fakulti Pergigian adalah sama iaitu seramai 4 orang (2%). Responden daripada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan terdiri daripada 12 orang (6%) manakala responden daripada Fakulti Sains dan Teknologi adalah sebanyak 11 orang yang mewakili hanya 5.5%. Seterusnya, responden daripada Fakulti Pendidikan Islam adalah seramai 10

orang (5%), responden daripada Fakulti Sains Kesihatan merangkumi 3.5% (7 orang) dan responden daripada Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina merangkumi sebanyak 3% iaitu melibatkan 6 orang.

Analisis Kebolehpercayaan

Analisis kebolehpercayaan bagi kesemua pembolehubah kajian ini boleh dilihat di Jadual 2. Nilai kebolehpercayaan Cronbach's Alpha bagi kesan kenaikan harga barang asas terhadap perbelanjaan bulanan adalah bernilai 0.839.

JADUAL 2. Analisis Kebolehpercayaan

| Pemboleh Ubah | Nilai Cronbach's Alpha | Bilangan Soalan |
|--|------------------------|-----------------|
| Kesan kenaikan harga barang asas terhadap perbelanjaan bulanan pelajar | 0.839 | 13 |
| Kesan kenaikan harga barang asas terhadap kuasa beli dan penukaran taraf hidup | 0.815 | 10 |

Bagi kesan terhadap kuasa beli mahasiswa dan perubahan taraf hidup mahasiswa pula, sebanyak 10 pernyataan telah dikemukakan kepada 200 orang prasiswazah dimana telah mencapai nilai Cronbach's Alpha sebanyak 0.815. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua obektif yang dikaji ini amatlah efektif dan boleh dipercayai kerana berjaya mendapatkan skor yang tinggi.

ANALISIS DESKRIPTIF

Perbelanjaan Bulanan Meningkat

Bahagian ini melihat kepada sejauh mana peningkatan perbelanjaan bulanan berhubung kait dengan mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia. Dapatan kajian menerusi statistik deskriptif (Jadual 3) juga menunjukkan peratusan paling tinggi diwakili oleh pernyataan ‘kenaikan harga makanan dan minuman ini menyebabkan perbelanjaan harian saya meningkat dan seterusnya meningkatkan perbelanjaan bulanan saya’ iaitu sebanyak 94.5%. Semasa proses pengisian borang soal selidik, beberapa responden dari Kolej Ungku Omar, salah satu kolej dalam Universiti Kebangsaan Malaysia menyatakan bahawa peningkatan harga makanan dan minuman bersusu di kafe kolej tersebut membebankan mereka dari segi kewangan. Seramai 189 responden telah bersetuju bahawa kenaikan harga makanan dan minuman di Universiti Kebangsaan

Malaysia telah meningkatkan perbelanjaan bulanan mereka.

Peratusan(%) dikira dengan menggunakan cara kekerapan mahasiswa dan mahasiswa yang menjawab ‘ya’ bagi setiap pernyataan dibahagikan dengan jumlah sampel(n) iaitu 200 orang.

Selain itu, 82% responden telah menyatakan bahawa kenaikan harga produk penjagaan diri seperti gel mandian, syampu, minyak wangi dan produk penjagaan kulit wajah telah meningkatkan perbelanjaan bulanan mereka. Mahasiswa dan mahasiswi turut terkesan apabila harga produk penjagaan diri meningkat kerana produk penjagaan diri seperti produk penjagaan kulit wajah merupakan salah satu barang asas yang perlu dibeli oleh mereka setiap bulan atau selepas habis digunakan.

‘Kenaikan sewa penginapan sama ada kolej atau rumah telah menyebabkan perbelanjaan bulanan mahasiswa meningkat (80.5%)’. Walaupun sewa kolej di Universiti Kebangsaan Malaysia hanya meningkat sebanyak RM10 hingga RM20 berbanding dengan semester sebelum ini, namun para pelajar turut rasa terkesan kerana jumlah wang yang dapat daripada pelbagai sumber seperti pinjaman pengajian dan biasiswa adalah sama. Pelajar yang tidak dapat kolej di Universiti Kebangsaan Malaysia terpaksa menyewa rumah di luar. Mereka turut terkesan kerana peningkatan sewaan rumah yang meningkat secara berterusan selepas pandemik Covid-19.

Jadual 3 juga menunjukkan seramai 148

JADUAL 3. Kesan kenaikan harga barang asas terhadap perbelanjaan bulanan

| Pernyataan | Kekerapan | Peratusan (%) |
|---|-----------|---------------|
| Kenaikan harga makanan dan minuman ini menyebabkan perbelanjaan harian saya meningkat dan seterusnya meningkatkan perbelanjaan bulanan saya. | 189 | 94.5 |
| Kenaikan harga pakaian, cucian dan dobi layan diri (basuh dan kering) di UKM meningkatkan perbelanjaan bulanan saya. | 142 | 71 |
| Kenaikan harga bahan-bahan pembelajaran dan alat tulis meningkatkan perbelanjaan bulanan saya. | 148 | 74 |
| Kenaikan harga produk penjagaan diri (gel mandian, syampu, minyak wangi dan produk penjagaan kulit wajah) ini meningkatkan perbelanjaan bulanan saya. | 164 | 82 |
| Kenaikan sewa penginapan (kolej/rumah sewa) ini meningkatkan perbelanjaan bulanan saya. | 161 | 80.5 |
| Kenaikan kos pengangkutan ini meningkatkan perbelanjaan bulanan saya. | 139 | 69.5 |

Jumlah sampel(n) = 200

responden (74%) dan 142 responden (71%) bersetuju bahawa kenaikan harga bahan-bahan pembelajaran serta kenaikan harga pakaian, cucian dan dobi layan diri telah menyebabkan peningkatan perbelanjaan bulanan mereka. Hal ini disebabkan oleh bahan-bahan pembelajaran seperti cetakan kertas jarang diperlukan oleh mahasiswa dan mahasiswi kerana kebanyakkan pensyarah telah menghantar nota kuliah dan tutorial dalam bentuk dokumen atas talian atau lebih dikenali sebagai *softcopy*. Oleh kerana pihak Universiti Kebangsaan Malaysia menyediakan perkhidmatan bas untuk pelajar, pernyataan ‘kenaikan kos pengangkutan ini meningkatkan perbelanjaan bulanan’ saya telah

dibantah oleh responden iaitu seramai 61 orang (30.5%) tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Kuasa Beli Menurun

Fenomena peningkatan harga barang dan perkhidmatan secara realitinya telah menjelaskan kuasa beli pengguna ketika melakukan perbelanjaan (Rosniza & Rajeswary, 2020). Secara ringkasnya, kuasa beli adalah jumlah barang dan perkhidmatan yang boleh dibeli dengan suatu unit mata wang (Adam Hayes et al. 2020).

JADUAL 4. Kesan kenaikan harga barang asas terhadap kuasa beli Pelajar

| Pernyataan | Min | Sisihan Piawai |
|---|------|----------------|
| Saya kurangkan kekerapan makan dan minum di UKM. | 3.68 | 1.164 |
| Saya kurangkan pembelian pakaian sama ada secara atas talian dan secara fizikal. | 4.08 | 0.997 |
| Saya kurangkan pembelian bahan-bahan pembelajaran dan alat tulis. | 3.85 | 1.143 |
| Saya kurangkan pembelian produk penjagaan diri(gel mandian, syampu, minyak wangi dan produk penjagaan kulit wajah). | 3.45 | 1.218 |

Bagi pernyataan saya kurangkan pembelian pakaian sama ada secara atas talian dan secara fizikal menunjukkan kebanyakan responden bersetuju dengan

mencatatkan nilai min sebanyak 4.08. Dapatan kajian berdasarkan analisis deskriptif ini menunjukkan bahawa pernyataan ini adalah pada tahap tinggi kerana

julat skala adalah antara 1 hingga 5 iaitu dari sangat rendah(1), rendah, sederhana, tingga seterusnya sangat tinggi(5). Hal ini sedemikian kerana kebanyakan responden kurangkan pembelian pakaian kerana harga yang meningkat pada setiap barang asas seperti makanan, minuman dan lain-lain. Pelajar memilih untuk kurangkan melakukan pembelian pakaian kerana pakaian adalah hanya kehendak dan bukan keperluan untuk dibeli setiap bulan. Kebanyakan pelajar memilih untuk membeli pakaian baru hanya pada musim perayaan dan jika memerlukan semasa ada majlis-majlis tertentu sahaja.

Seperti yang dinyatakan di atas, para pensyarah lebih memilih untuk menyebarkan bahan-bahan pembelajaran seperti nota kuliah dan latihan tutorial dalam bentuk *softcopy*, ini telah menyebabkan kebanyakan responden bersetuju dengan pernyataan saya kurangkan pembelian bahan-bahan pembelajaran dan alat tulis. Nilai min bagi pernyataan ini adalah 3.85 iaitu pada tahap sederhana tinggi.

Walaupun peningkatan terhadap perbelanjaan yang paling ketara dilihat berlaku dalam kategori makanan dan minuman, namun bukan semua pelajar bersetuju dengan pernyataan saya kurangkan kekerapan makan dan minum di Universiti Kebangsaan Malaysia. Nilai min bagi pernyataan ini adalah sebanyak 3.68 dan nilai ini menunjukkan pada tahap sederhana tinggi. Namun, kebanyakan mahasiswa masih bersetuju bahawa mereka kurangkan kekerapan makan dan minum di kafe

Universiti Kebangsaan Malaysia. Mereka menyatakan bahawa mereka memilih untuk masak sendiri dan makan di warung luar Universiti Kebangsaan Malaysia yang menawarkan makanan seperti nasi ayam pada harga RM4 sahaja.

Seterusnya, peratusan responden menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada mereka kurang bersetuju dengan pernyataan saya kurangkan pembelian produk penjagaan diri (gel mandian, syampu, minyak wangi dan produk penjagaan kulit wajah). Nilai min adalah 3.45 dan ini berada pada tahap sederhana rendah di mana ramai pelajar tidak bersetuju bahawa mereka kurangkan pembelian produk penjagaan diri.

Perubahan Taraf Hidup

Taraf hidup mengukur perbandingan di antara pendapatan boleh guna yang diterima oleh pelajar dengan kos sara hidup mereka. Menurut Jacobson, Mavrikou & Minas, (2010), sekiranya peningkatan pendapatan berada pada kadar yang lebih rendah berbanding kos sara hidup, bererti taraf hidup seseorang dikatakan semakin merosot dan sebaliknya sekiranya taraf pendapatan meningkat pada kadar yang lebih tinggi dari kos sara hidup dikatakan taraf hidup mereka semakin meningkat. Kajian ini mengkaji taraf hidup mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia sebelum dan selepas harga barang asas naik.

JADUAL 5. Kesan kenaikan harga barang asas terhadap penukaran taraf hidup

| Pernyataan | Min | Sisihan Piawai |
|--|------|----------------|
| Saya memilih untuk makan makanan yang berharga lebih murah walaupun kurang menyelerakan. | 3.79 | 1.184 |
| Saya memilih untuk berkongsi bilik sewa dengan kawan saya untuk mendapatkan harga yang lebih murah. | 3.72 | 1.323 |
| Saya memilih untuk membeli produk penjagaan diri yang berkualiti lebih rendah kerana harga yang lebih murah. | 3.26 | 1.327 |
| Saya kurangkan pembelian minuman dan hanya memilih untuk minum air kosong sahaja. | 4.16 | 1.114 |
| Saya memilih untuk membasuh pakaian secara menggunakan tangan walaupun lagi memenatkan berbanding membasuh dan mengeringkan pakaian di dobi. | 3.62 | 1.340 |
| Saya kurangkan penggunaan pengangkutan e-hailing seperti Grab dan memilih untuk berjalan kaki ke kelas serta menunggu bas awam untuk ke mana-mana di luar UKM. | 4.31 | 0.993 |

Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju dengan pernyataan bagi saya kurangkan penggunaan pengangkutan e-hailing seperti Grab dan memilih untuk berjalan kaki ke kelas serta menunggu bas awam untuk ke mana-mana di luar UKM ($\text{min}=4.31$). Pelajar sanggup menunggu bas awam untuk pergi ke tempat di luar UKM walaupun mengambil masa menunggu yang agak lama jika berbanding dengan pengangkutan e-hailing seperti Grab. Hal ini kerana upah pengangkutan e-hailing lebih mahal. Walaupun bas disediakan kepada para pelajar di UKM untuk pergi ke mana-mana sahaja dalam UKM seperti kelas di fakulti, tetapi kebanyakan pelajar tidak puas hati kerana jumlah bas yang tidak mencukupi dan masa menunggu bas yang tidak selaras dengan aplikasi Movit. Namun, pelajar yang tiada pengangkutan sendiri terpaksa jalan kaki dan naik bas untuk bergerak ke sesuatu tempat.

Selain itu, berdasarkan kajian yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan responden bersetuju iaitu mencatatkan nilai min sebanyak 3.79 dan 3.72 masing-masing bagi pernyataan saya memilih untuk makan makanan yang berharga lebih murah walaupun kurang menyelerakan dan saya memilih untuk berkongsi bilik sewa dengan kawan saya untuk mendapatkan harga yang lebih murah. Bagi mengawal perbelanjaan, pelajar memilih untuk makan makanan yang lebih murah dan memilih untuk berkongsi bilik dengan rakan kerana pilihan ini turut dapat memenuhi tahap keselesaan mereka. Walaupun keselesaan dan kepuasan tidak mencapai tahap maksimum, tetapi pilihan tersebut berfungsi seperti barang berkualiti tinggi dan lebih memuaskan.

Di samping itu, dapatan kajian juga menjelaskan bahawa majoriti responden iaitu nilai min 3.62 memilih untuk membasuh pakaian secara menggunakan tangan walaupun lagi memenatkan berbanding membasuh dan mengeringkan pakaian di dobi. Hal ini kerana pelajar lagi memikirkan faktor kewangan berbanding faktor masa dan tenaga yang diperlukan untuk membasuh baju dengan tangan. Mereka menyatakan bahawa walaupun masa dan tenaga yang digunakan untuk membasuh baju dengan tangan adalah lebih banyak, namun mereka tetap memilih untuk membasuh baju dengan tangan bagi menjimatkan wang.

Tambahan pula, seramai 42 orang pelajar bersetuju dan seramai 73 orang pelajar sangat bersetuju bahawa mereka kurangkan pembelian minuman manis dan hanya memilih untuk minum air kosong sahaja dengan nilai min purata 4.16. Nilai min ini berada pada tahap tinggi. Namun, nilai min yang agak rendah (3.26) didapati pada pernyataan saya memilih untuk membeli produk penjagaan diri yang berkualiti lebih rendah

kerana harga yang lebih murah.

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Penyelesaian kepada permasalahan kenaikan harga barang asas ini bukan hanya diletakkan ke atas mahasiswa sahaja. Pihak pentadbiran UKM sepatutnya mengadakan mesyuarat dalaman bersama tendor-tendor kafeteria dan kedai makan secara kerap bagi membincangkan sistem pengurusan perniagaan dan harga barang asas dari semasa ke semasa untuk mengawal kenaikan harga. Selain itu, persatuan wakil pelajar seperti Majlis Perwakilan Pelajar, Majlis Eksekutif Pelajar dan Persatuan Mahasiswa Fakulti haruslah sentiasa cakna dengan peningkatan harga terhadap barang di kafeteria dan kedai serbaneka yang terdapat di fakulti dan kolej.

Namun, masalah yang dihadapi oleh Pelajar di UKM bukan sahaja peningkatan harga, malah juga masalah kebersihan di kafeteria. Oleh itu, penulis mencadangkan semua pihak di UKM dapat bekerjasama mengamalkan gaya hidup seperti di beberapa negara maju di mana pelanggan akan membersihkan meja selepas habis makan di restoran. Ini secara tidak langsung boleh mengurangkan beban pihak kafeteria dan sekaligus mengurangkan kos upah pekerja. Dengan pengurangan kos pengeluaran, namun mereka turut boleh mengurangkan harga makanan dan minuman.

Kajian ini merupakan kajian baharu yang dijalankan di UKM dan hanya melibatkan pelajar di UKM sahaja. Cadangan untuk kajian akan datang adalah melakukan perbandingan antara pelajar UKM dengan pelajar dari institusi lain yang melibatkan institusi pengajian tinggi awam dan institusi pengajian tinggi swasta.

KESIMPULAN

Berdasarkan hasil kajian secara keseluruhannya, kenaikan harga barang asas telah menjelaskan kehidupan mahasiswa di UKM secara langsung. Keadaan ini dibuktikan melalui ketiga-tiga aspek iaitu peningkatan perbelanjaan bulanan, penurunan kuasa beli dan perubahan taraf hidup mahasiswa. Hasil kajian turut menunjukkan tahap persepsi responden terhadap ketiga-tiga aspek kesan ini agak tinggi, dengan bacaan min skor masing-masing adalah melebihi 3.00. Perbelanjaan bulanan atau kos sara hidup secara harian berkait rapat dengan taraf kehidupan seseorang. Ini adalah kerana peningkatan taraf kehidupan memerlukan peningkatan dalam kos sara hidup.

Menurut hasil kajian kali ini, mahasiswa UKM telah memilih untuk berjimat cermat dengan mengurangkan kekerapan pembelian makanan, minuman dan juga pakaian. Bukan itu sahaja, responden juga bersetuju bahawa mereka memilih untuk membeli barang yang berkualiti lebih rendah untuk menjimatkan duit seperti mereka memilih untuk berkongsi bilik dengan kawan.

RUJUKAN

- Abdul Taib, A., & Saad, S. (2019, Ogos). Kesan Bekerja Secara Sambilan ke Atas Pencapaian Akademik Pelajar. *UKM Journal Article Repository*.
- Abdul Wahab, M., Shahiri, H., Mansur, M., & Shah Zaidi, M. (2018). Kos Sara Hidup Tinggi di Malaysia: Pertumbuhan Pendapatan Isi Rumah yang Perlahan atau Taraf Hidup yang Meningkat. *Jurnal Ekonomi Malaysia*.
- Abdullah, S., & Raman, S. (2001). Quantitative and Qualitative Research Methods: Some Strengths and Weaknesses. *Jurnal Pendidikan dan Pendidikan*.
- Adam, H. (2020). What is Purchasing Power? *Dotdash SF*.
- Bank Negara Malaysia Annual Report*. (2020). Retrieved from Bank Negara Malaysia: <https://www.bnm.gov.my/bnm-annual-report>
- Bostancı, M. (2005). Depressive symptomatology among university students in Denizli, Turkey: prevalence and sociodemographic correlates. *National Library of Medicine*.
- Bukhari, N., Keum Hyun, K., & Idris, A. (2018). Hubungan Antara Pendapatan dan Perbelanjaan Harian Bagi Golongan Belia Melayu Di Kuala Lumpur. *Journal of Social Sciences and Humanities*.
- Bulletin. (2014, March). *Inflation and the Cost of Living*. Retrieved from Reserve Bank of Australia: <https://www.rba.gov.au/publications/bulletin/2014/mar/4.html>
- Consumer Price Index November 2022. (2022, Novembr). Retrieved from Department of Statistics Malaysia Official Portal: https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemeByCat&cat=106&bul_id=WWx2a3UxcklKQ3NraFBHSkhhZXRWdz09&menu_id=bThzT
- HQxN1ZqMVF6a2I4RkZoNDFkQT09
Euro Area Inflation Rate. (2022, December). Retrieved from Trading Economics: <https://tradingeconomics.com/euro-area/inflation-cpi>
- Harga. (n.d.). Retrieved from Dewan Bahasa dan Pustaka: <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=harga>
- Jacobson, D., Mavrikou, P., & Minas, C. (2010). Household size, income and expenditure on food: The case of Cyprus. *The Journal of Sosio-Economics*.
- Kuasa. (2021). Retrieved from Dewan Bahasa dan Pustaka: <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kuasa>
- Mardelina, E., & Muhsin, A. (2017). Working Student and Its Impact on Learning Activities and Academic Achievements. *Jurnal Economia*.
- Mod Asri, N., Abu Bakar, N., Laili, I., & Saad, S. (2020). Status Kewangan Dan Tekanan Dalam Kalangan Mahasiswa. *Jurnal Pengguna Malaysia*.
- Muharam, R. (2022, November). *Isu harga barang naik: Tak boleh jangka apa harga esok - Peniaga*. Retrieved from Metro: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/11/898580/isu-harga-barang-naik-tak-boleh-jangka-apa-harga-esok-peniaga>
- Muller, C. (2002). Prices and living standards: Evidence for Rwanda. *Journal of Development Economics*.
- Penguatuasaan Tanda Harga. (2020). Retrieved from Kementerian Pengguna Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna: <https://www.kpdn.gov.my/ms/>
- Ros, R. A., & Mutsamy, R. (2020, October 31). Kenaikan Harga Barang dan Impaknya Terhadap Penduduk B40 di Muar Johor. *Asian People Journal*.
- Sabri, B., & Zainuddin, N. (2020). Kos Sara Hidup Mahasiswa UPM. *Jurnal Pengguna Malaysia*.
- Sabstu, J. (2014). Kenaikan Kos Sara Hidup, Kesan Kepada Rakyat. *Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Selatan*.
- Shuhaimi, N., Mohamed Yusoff, N., Abd Karim, N., & Jaafar, S. (2019). Kesan Kenaikan Harga Barang Asas Terhadap Mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Swasta. *Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*.
- Wahid, H., & Zahari, S. (2020, Jun). Literasi Kewangan dan Kesannya Terhadap Gelagat Perbelanjaan Mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia. *UKM Journal Article Repository*.

Sushmita Eh Wan* & Mustazar Mansur
 Fakulti Ekonomi & Pengurusan,
 Universiti Kebangsaan Malaysia,
 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: a181252@siswa.ukm.edu.my

Diserahkan: 30 Januari 2023
 Diterima: 31 Mac 2023